



**UNIVERSITI** \_\_\_\_\_

**LAPORAN AKHIR PROGRAM/PROJEK**

---

**NAMA PROGRAM/PROJEK**

---

**TARIKH :**

\_\_\_\_\_

**TEMPAT :**

\_\_\_\_\_

**ANJURAN :**

\_\_\_\_\_

**DENGAN KERJASAMA :**

\_\_\_\_\_

## LAPORAN AKHIR PROGRAM UCTC

### 1. TUJUAN

- Memaklumkan kepada 'stakeholders' mengenai UCTC serta program-program yang berjaya dilaksanakan di bawah UCTC.
- Menunjukkan bahawa universiti/bahagian/jabatan menggunakan pemikiran kreatif & gerak kerja inovatif untuk melaksanakan projek.

### 2. KONSEP

- Artikel ini akan digunakan di dalam laporan tahunan dan media-media bersesuaian.
- "*Byline*" akan diberikan kepada penulis iaitu Ketua Projek/Program.
- Setiap artikel mesti mempunyai elemen-elemen yang dinyatakan dalam seksyen 3.0 Kandungan. (sila lihat di bawah)
- Panjang setiap artikel tidak lebih daripada 500 patah perkataan bagi membolehkan gambar disiarkan.
- Rencana tersebut hendaklah ditulis dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- Gambar hendaklah gambar yang terbaru dengan resolusi tinggi. Tidak dibenarkan gambar yang diambil di dalam enjin carian seperti *google*.
- Seorang pegawai yang khusus dari IPT/bahagian/jabatan yang terbabit untuk urusan artikel selain perlu disertakan nama, nombor telefon pejabat, nombor telefon bimbit, alamat e-mel dan nombor faks.
- Setiap artikel hendaklah dihantar kepada Unit NBOS, Kementerian Pendidikan Tinggi melalui emel urusetia sebulan selepas tamat projek/program.

### 3. KANDUNGAN

#### 3.1. "*Breaking-The-Silos*"

- Setiap artikel mesti mengandungi konsep "*breaking-the-silos*" di mana kerjasama antara Kementerian atau Agensi atau universiti perlu ditunjukkan.

- Hal ini juga termasuk kerjasama dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan serta NGO / Persatuan, jika ada.
- Contoh: Apabila USM bekerjasama dengan JAKOA, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Kangsar, Jabatan Kesihatan dan syarikat persendirian dalam menyediakan bekalan air bersih kepada penduduk Orang Asli Kampung Langkor, Sungai Siput, Perak.

### **3.2. “Outcome” Program UCTC**

- Setiap artikel juga mesti menjelaskan “outcome” program UCTC mereka yakni kos rendah, berimpak tinggi & pantas dilaksanakan (*low cost, high impact & rapid execution*).
- Menyatakan bilangan penerima manfaat sama ada daripada komuniti, pelajar atau pensyarah.
- Contoh: Projek NBOS-PILS telah berjaya disiapkan dalam masa 2 minggu dengan kos sepertiga daripada kos konvensional dengan memberi manfaat kepada para pelajar aliran sains Sekolah Agama Menengah Sultan Hisamuddin, Sg. Bertih, Klang, Selangor.

### **3.3. Pengalaman Penulis**

- Setiap artikel mesti mengandungi “pengalaman” penulis sendiri yang boleh berkisah:-
  - i) Kejayaan yang dapat dilihat ketika turun padang melawat program tersebut;
  - ii) Transformasi yang dapat dilihat sebelum, semasa dan selepas program itu dilancarkan; dan/atau
  - iii) Maklumbalas yang penulis terima sendiri daripada masyarakat setempat atau peserta program UCTC tersebut.

### **3.4. Kaitan Dengan Dasar Kerajaan**

- Setiap artikel juga digalakkan untuk mengaitkan objektif program UCTC dengan sebarang dasar Kerajaan yang sedia ada seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, NKRA, RMK-10 dll, jika terdapat keperluan.

- Contoh: Projek keusahawanan pelajar bersesuaian dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia dalam melahirkan graduan yang holistik dan memiliki sifat-sifat keusahawanan.

### **3.5 Isu, cabaran dan cadangan penyelesaian**

- Setiap artikel juga boleh menyatakan isu, cabaran serta cadangan penyelesaian dalam melaksanakan projek-projek yang dijalankan bagi proses penambahbaikan masa hadapan.